

GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN

ANUGERAH KHIDMAT MASYARAKAT 2026

1.0 NAMA ANUGERAH	ANUGERAH KHIDMAT MASYARAKAT
2.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH	Anugerah Khidmat Masyarakat diwujudkan bagi tujuan mengiktiraf warga UTM dikalangan staf akademik dan staf pengurusan, profesional dan pelaksana yang telah menyumbang kepada nama baik Universiti melalui aktiviti khidmat masyarakat secara sukarela di dalam dan luar UTM
3.0 KATEGORI ANUGERAH	i. Kategori staf a. Akademik b. Staf pengurusan, profesional dan pelaksana ii. Kategori projek komuniti
4.0 KRITERIA/ SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	iii. Syarat permohonan (Kategori staf akademik & staf pengurusan, profesional dan pelaksana) a. Pencalonan dibuka kepada semua staf akademik, pentadbiran dan sokongan setiap fakulti, bahagian atau unit (Calon boleh mencalonkan diri sendiri, dicalonkan oleh rakan sekerja dan Ketua Jabatan). b. Pencalonan juga dibuka melalui persatuan seperti PKA, PERKABA, PERTISAS, BAKES, KKA dan lain – lain. c. Calon yang diperaku mestilah giat dalam persatuan / pertubuhan samada di dalam dan luar UTM. Calon yang diperaku mestilah aktif dalam memberi sumbangan khidmat masyarakat secara sukarela (tidak

	menerima sebarang bayaran) seperti gotong – royong, ceramah dan lain – lain. d. Calon yang diperaku mestilah aktif melaksanakan program/aktiviti yang memberi impak kepada komuniti secara sukarela. Walaubagaimanapun, penglibatan aktif ini tidak termasuk staf yang mempunyai tugas hakiki yang terlibat secara langsung dalam aktiviti libatsama komuniti. e. Pencapaian dan penglibatan yang dijalankan bagi tempoh 3 tahun (2023,2024,2025) sahaja. f. Penganugerahan/penghargaan yang diterima mestilah berkaitan dengan aktiviti khidmat masyarakat dari mana-mana pihak. g. Calon mestilah bukan penerima anugerah ini bagi tiga tahun sebelum iaitu 2023, 2024 dan 2025. h. Markah saringan minimum ialah 70%. iv. Syarat permohonan (Kategori projek komuniti) a. Pencalonan adalah tertutup di mana semua projek yang mendapat 5 <i>Star Rating</i> adalah layak tercalon. b. Ketua Projek perlu membuat pengesahan persetujuan pencalonan sebagai penentuan projek yang dipertandingkan. c. Projek komuniti yang bertanding mestilah memberi sumbangan terus kepada komuniti luar. Projek komuniti boleh berlaku dalam konteks pengajaran (<i>community-based learning and service learning</i>), penyelidikan (<i>community-based participatory research</i>) dan perkhidmatan (<i>civic engagement and community service</i>.)
--	--

	d. Projek yang bertanding perlu memberi penekanan kepada Quadruple Helix sinergi dan mendapat kerjasama dalam pelbagai bentuk daripada pelbagai pihak (kerajaan, industri, akademik, orang awam). e. Projek komuniti yang pernah menerima penganugerahan/penghargaan dari komuniti dan pihak-pihak lain merupakan satu kelebihan. f. Penerima anugerah bagi tiga tahun sebelum ini iaitu tahun 2023, 2024 dan 2025 adalah tidak layak untuk menghantar permohonan. g. Markah saringan minimum ialah 80%. h. Hanya 10 projek yang mendapat markah tertinggi sahaja perlu melakukan pembentangan projek semasa penilaian akhir panel.
--	--

5.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

i. Kaedah Penilaian	Kategori Projek 1) Saringan Penarafan Bintang 2) Penilaian awal a) Kualiti penerima faedah b) Pencapaian yang diiktiraf c) Kelangsungan projek d) Liputan Media e) Keterlibatan Entiti f) Keunikan Projek 3) Mesyuarat penentuan finalis a) Pemilihan Top 10 projek 4) Sesi Pembentangan a) kategori projek libatsama komuniti b) kualiti penglibatan entiti c) lanjutan/kesinambungan/tambahan peruntukan d) darjah kerumitan 5) Mesyuarat penentuan pemenang
	Kategori Staf 1) Penilaian pertama

	a) Kegiatan & sumbangan yang memberi impak kepada komuniti b) Anugerah/ penghargaan yang pernah diperolehi c) Kepimpinan d) Jaringan kerjasama rakan kolaborasi 2) Mesyuarat penentuan pemenang
--	---

6.0 PEMARKAHAN ADALAH BERDASARKAN KRITERIA UTAMA SEPERTI BERIKUT:

ii. Kaedah Pemarkahan	1. Kriteria
	Kategori Projek 1. Saringan Penarafan Bintang a. Pemilihan projek - 5 Star Rating 2. Sesi Penilaian Awal a. Kualiti penerima faedah (25%) b. Pencapaian yang diiktiraf (25%) c. Kelangsungan projek (20%) d. Liputan Media (10%) e. Keterlibatan Entiti (10%) f. Keunikan Projek (10%) 3. Mesyuarat penentuan finalis a. Tapisan pemilihan mengikut takat ambang 80% b. Pemilihan 10 projek dengan jumlah markah tertinggi 4. Sesi Pembentangan a. Kategori projek libatsama komuniti (5%) b. kualiti penglibatan entiti (5%) c. lanjutan/kesinambungan/tambahan peruntukan (5%) d. darjah kerumitan (5%) 5. Mesyuarat penentuan pemenang a. Pemilihan projek dengan jumlah markah keseluruhan tertinggi
	Kategori Staf 1. Penilaian pertama a. Kegiatan & sumbangan yang memberi impak kepada komuniti (60%) b. Anugerah/ penghargaan yang pernah diperolehi – 20% c. Kepimpinan (20%) d. Jaringan kerjasama rakan kolaborasi (10%) 2. Mesyuarat penentuan pemenang a. Tapisan pemilihan mengikut takat ambang 70% b. Jumlah markah tertinggi

	2. Markah (Rujuk Lampiran X untuk perincian markah)
	Kategori Projek 80% (Titik Ambang) 70% (Markah Penghargaan) Kategori Staf 70% (Titik Ambang) 65% (Markah Penghargaan)